

**SULIT**  
**1103/2**  
**BAHASA**  
**MELAYU**  
**KERTAS II**  
**NOVEMBER**  
**2000**  
**2 JAM**

**1103/2**

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA**  
**SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA**  
**CAWANGAN TERENGGANU**  
**DENGAN KERJASAMA**  
**JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2000**  
**TINGKATAN EMPAT**

---

---

**BAHASA MELAYU**  
**KERTAS II**

**Dua jam**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan*
2. *Jawab soalan.1, soalan 2 dan soalan 4.*
3. *Bagi soalan 3, jawab sama ada (a) atau (b)*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi atau jawi.*

---

**Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak**

## Soalan 1

Baca petikan di bawah dengan teliti dan tuliskan satu rumusan tentang punca-punca berlakunya gengsterisme di kalangan pelajar. Panjang rumusan anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Kegiatan samseng atau gengsterisme di sekolah dikatakan sudah sampai ke peringkat yang cukup membimbangkan. Kegiatan penyalahgunaan dadah, minum minuman keras, berjudi, menceroboh, membuli, dan lain-lain begitu berleluasa, terutama di kalangan pelajar sekolah menengah harian di negara ini. Kegiatan yang sedemikian bukan sahaja berlaku di kawasan bandar tetapi kini semakin merebak ke sekolah-sekolah di luar bandar.

Kajian oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan mendapati bahawa negeri Selangor sebagai negeri yang paling banyak mempunyai sekolah yang berisiko tinggi terdedah kepada gengsterisme. Ini disebabkan sekolah-sekolah di Selangor mempunyai kapasiti pelajar yang tinggi berbanding sekolah di negeri-negeri yang lain. Perkara ini perlu diberi perhatian yang lebih serius oleh pihak kerajaan. Kewujudan kongsi-kongsi gelap, terutama di kawasan perkampungan baharu tidak lagi menjadi rahsia. Hal ini ternyata mendedahkan pelajar kepada aktiviti samseng. Usaha untuk menghapuskan kongsi gelap di kawasan-kawasan tertentu tidak akan berhasil tanpa kerjasama semua pihak.

Di kawasan-kawasan bandar pula, kebanyakan penduduk tinggal di rumah-rumah yang agak sempit atau di rumah pangsa. Keadaan tempat tinggal yang sedemikian semacam memaksa anak-anak keluar dari rumah sehingga ada antara mereka yang terdedah kepada kumpulan samseng. Keadaan menjadi lebih ketara apabila terdapat sesetengah ibu bapa yang terlalu sibuk dengan pelbagai urusan. Anak-anak yang kurang mendapat perhatian ibu bapa ini berasa bebas untuk bergaul dengan sesiapa sahaja tanpa mengira latar belakang rakan mereka. Mereka ternyata lebih mudah dipengaruhi oleh pelbagai anasir, termasuklah anasir gangsterisme. Lazimnya, ketiadaan suasana yang harmoni di rumah menjejaskan prestasi akademik pelajar. Pelajar yang lemah pencapaian akademik mereka cuba mencari jalan keluar dengan pelbagai cara dan salah satu daripadanya ialah menganggotai kumpulan samseng dengan pelbagai tujuan.

Media massa di negara ini seharusnya bertanggungjawab memainkan peranan membentuk sikap, tingkah laku, dan personaliti pelajar. Sebaliknya, tindakan media massa yang kerap menyiarkan pelbagai bahan separuh lucu, ganas, dan tidak sopan telah mempengaruhi minda pelajar untuk mencuba. Dalam memperkatakan masalah ini juga, masyarakat tidak harus lupa bahawa terdapat sesetengah pelajar memang suka melanggar undang-undang. Oleh hal yang demikian, tidak mustahillah jika ada antara mereka yang bertindak di luar jangkauan, termasuklah menceroboh, memukul, bahkan mencederakan rakan-rakan mereka. Pelbagai ikhtiar boleh dilakukan untuk mencegah gejala ini daripada bertambah parah. Walaupun begitu, rawatan yang terbaik ialah mencegahnya di peringkat akar umbi serta menterjemahkan segala penyelesaian yang digariskan itu ke dalam bentuk yang nyata.

(Diubahsuaikan daripada "*Seriuskah Gengsterisme di Kalangan Pelajar,*" Dewan Siswa, Jun 2000)

## Soalan 2

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan kata-kata anda sendiri.

“Daneng, engkau perlu meneruskan pelajaran sampai ke peringkat SPM, sampai ke *menara gading*. Engkau bijak, Daneng. Gunakanlah kebijaksanaanmu itu, mungkin untuk membantu kaummu. Setakat ini, cuma ada 50 atau 60 orang sahaja mahasiswa daripada keturunan kaummu di universiti.”

Daneng merenung jauh ke tengah danau biru. “Cikgu kasihan melihat cara hidup masyarakatmu.”

“Cikgu anggap kami miskin, bukan? Bukan saja cikgu, malah banyak orang luar yang bersimpati terhadap kami. Tetapi konsep miskin itu tidak ada dalam kamus hidup kami. Seluruh hutan dan belantara, danau dan tanah ini, milik kami bersama, milik kami sejak zaman-berzaman. Hutan ini tidak membenarkan sebarang kekurangan kepada kami.” Daneng bersuara dengan agak serius.

Kekaguman mengisi benak Jo sekali lagi ketika melihat kepetahan anak muridnya itu berhujah. Tidak dapat disangkal lagi bahawa Daneng memang bijak dan mempunyai masa depan yang cerah jika diberi peluang.

Kemudian Jo menyambung lagi, “Setiap kali cikgu melihat kereta-kereta besar melalui jalan besar di tepi kampungmu, cikgu berasa sedih. Kaummu *masih jauh di belakang*.”

Daneng mengerut keningnya yang lebat. Dia menghela nafas panjang.

Jo jadi serba salah ketika menatap wajah Daneng yang keruh seperti air danau yang timbul kelodaknya. Adakah aku sudah menyinggung perasaannya? Adakah nasihatku keterlaluan? Bentak suara hati Jo.

Tetapi niatnya harus diteruskan. *Bara digenggam perlu menjadi arang!*

“Daneng, engkau terlalu sayang akan hutan ini, bukan?”

“Janganlah pisahkan saya dari hutan ini, cikgu,” keluar kalimat rayuan dari mulut Daneng.

“Demi hutan malar hijau yang kamu cintai, kamu perlu belajar. Hutan ini memerlukan kamu.”

“Apa maksud cikgu?”

“Tidakkah kamu tahu bahawa di seluruh dunia, hutan diancam aktiviti pembalakan. Sindiket yang gila akan duit menceroboh serta membunuh fauna dan flora di *kawasan hutan simpan*. Bukan saja di Malaysia, malah hutan malar hijau di Lembangan Amazon pun terancam.”

“Pohon-pohon tembesu padang, meranti, seraya, dan meranti tembaga di kawasan hutan simpan, 20 kilometer dari sini sudah tiada lagi, cikgu.” Kata Daneng terputus-putus. Suaranya ditenggelami kekecewaan yang pedih. “Apakah yang dapat saya lakukan? Apabila kami tiba di sana, mereka sudah tiada, pohon-pohon itu pun sudah tiada”

“Itulah sebabnya kamu harus belajar, Daneng.” Mungkin kamu dapat menjadi pegawai perhutanan negara, dan melaksanakan suatu rancangan yang lebih agresif untuk membanteras kelompok musuh ini. Atau kamu dapat menjadi saintis, mencipta sesuatu yang dapat menggantikan tempat kayu. Barulah hutan akan selamat. Masa depan pohon tualang pujaanmu akan terjamin,” hujah Jo.

(Dipetik dan diubahsuai daripada cerpen  
*Lambaian Malar Hijau* karya Seroaja Theavy a/p Balakrishnan)

(a) Terangkan maksud rangkai kata-kata di bawah ini mengikut penggunaannya dalam petikan.

- (i) menara gading
- (ii) masih jauh di belakang
- (iii) hutan simpan

[6 markah]

(b) Jawab soalan-soalan yang berikut dengan berdasarkan petikan.

- (i) Siapakah Daneng? Apakah pandangannya terhadap hutan? [4 markah]
- (ii) Mengapakah Jo menganggap Daneng seorang yang bijak dan mempunyai masa depan yang cerah? [4 markah]
- (iii) Jelaskan maksud kata-kata *Bara yang digenggam perlu menjadi arang*. Mengapakah Jo membisikkan kata-kata itu? [4 markah]
- (iv) Apakah yang sedang berlaku pada hutan di seluruh dunia? Mengapakah Jo menyuruh Daneng terus belajar jika dia cinta akan hutan malar hijau? [6 markah]
- (v) Katakan anda sebagai Daneng dan telah mengambil keputusan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Berikan alasan mengapa anda bertindak demikian? [6 markah]

### Soalan 3 (a)

Jawab sama ada (a) atau (b)

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan perkataan sendiri.

Maka Tun Mamat pun pergilah dengan dua orang yang pantas berjalan naik ke Gunung Ledang. Telah datang had buluh perindu, maka segala orang yang naik itu seperti akan terbang rasanya daripada sangat keras angin bertiup. Maka *awan pun dapat dicapai lakunya*.

Syahdan, buluh perindu itu terlalu merdu bunyi. Limau mengkar pun bersorak, anggerik pun mengilai, delima tersenyum, bunga air mawar berpantun, katanya:

“Sana sini gigi menimang,  
Hendak makan ikan dalam telaga;  
Lagi lemak telur berlinang,  
Sisiknya lekat pada dada.”

Maka disahut oleh bunga tanjung biru, katanya;

“Dang Nila memangku puan,  
Berkembang buluh pedada;  
Adakah gila bagimu tuan?,  
Burung terbang dipipiskan lada”

Maka Tun Mamat pun hairan memandang perhiasan taman itu. Maka Tun Mamat bertemu dengan sebuah balai di dalam taman itu. Semua perkakasnya tulang, atapnya rambut, di atas balai itu ada seorang perempuan tua, baik rupanya, menyampai kain pendukung, empat orang perempuan muda-muda menghadapi dia, Maka ia bertanya kepada Tun Mamat. Katanya, “orang mana kamu ini, dan hendak ke mana kamu?” Maka kata Tun Mamat, “kami ini orang Melaka, nama kami Tun Mamat, dititahkan oleh Sultan Melaka meminang Puteri Gunung Ledang ini. Laksamana dan Sang Setia ada di bawah gunung ini; tiada boleh naik; akan hamba disuruhnya. Dan tuan hamba ini siapa, dan siapa nama tuan hamba?”

Maka sahut perempuan itu, “Nama hamba Dang Raya Rani, hambalah pengetua Tuan Puteri Gunung Ledang. Nantilah hamba di sini, biar hamba persembahkan segala kata tuan hamba ini kepada tuan puteri.”

Maka Dang Raya Rani dengan keempat-empat perempuan itu pun lenyaplah. Sesaat kemudian, maka kelihatan seorang perempuan tua, *bongkok belakangnya, berlipat tiga*. Maka ia berkata kepada Tun Mamat, titah Tuan Puteri, “jikalau raja Melaka hendakkan aku, buatlah aku jambatan emas satu, jambatan perak satu, dari Melaka datang ke Gunung Ledang ini. Akan peminangnya, hati nyamuk tujuh dulang, hati kuman tujuh dulang, air mata setempayan, air pinang muda setempayan, dan darah raja semangkuk dan darah anak raja yang bernama Raja Ahmad itu semangkuk. Jikalau boleh demikian, kabullah Tuan Puteri akan kehendak raja Melaka itu.”

(Dipetik daripada *Sejarah Melayu*,  
Anak Laut, Antologi Kesusasteraan Melayu Sekolah Menengah)

(i) Terangkan maksud rangkaian kata-kata di bawah ini mengikut penggunaannya dalam petikan.

*awan pun dapat dicapai lakunya  
bongkok belakangnya, berlipat tiga*

[4 markah]

(ii) Bagaimanakah keadaan di atas Gunung Ledang?

[4 markah]

(iii) Apakah maksud peribahasa '*Burung terbang dipipiskan lada*' dalam rangkap kedua pantun dan nyatakan sindiran yang ditujukan kepada Sultan Melaka?

[4 markah]

(iv) Nyatakan sifat-sifat Tuan Mamat. Berikan bukti untuk menyokong jawapan anda?

[4 markah]

(v) Katakan anda penasihat Sultan Melaka. Apakah nasihat anda kepada Sultan setelah dimaklumkan tentang permintaan Puteri Gunung Ledang itu? Nyatakan alasan anda memberikan nasihat sedemikian.

[4 markah]

- (b) Baca sajak di bawah dengan teliti dan jawab soalan berikutnya dengan menggunakan perkataan sendiri.

### JALAN-JALAN RAYA KOTAKU

1 Saban waktu sepanjang perjalanan  
jalan-jalan raya kotaku  
lewat senja begini  
*tika gerimis menabur benih*  
5 menerima kehadiran warga kota  
lemas dalam kesabaran  
lelah meresahkan  
dengan luka parah di hati.

*Ketidaksabaran membengkak*  
10 kesombongan merajai setiap ruang  
semakin padat dengan emosi  
kebosanan menggigit pangkal rasa.

Demikian etika di perjalanan  
budi luhur warga kotaku  
15 tidak lagi berlaku  
yang hadir adalah keserakahan  
memacu menghimpun kekuatan  
menghakis sopan santun  
seperti banjir kilat  
20 melanda pinggir perjalanan  
fitrah sang manusia  
peradaban kota masa kini.

Jalan-jalan raya kotaku  
adalah gelanggang kebuasan  
25 perlumbaan kebiadaban  
para pesakit  
*kemanusiaan semakin mandul*  
pada penghujung musim.

### ZAM ISMAIL

- (i) Apakah yang dimaksudkan oleh penyajak dengan:

*tika gerimis menabur benih* (baris 4)  
*ketidaksabaran membengkak* (baris 9)

[4 markah]

- (ii) Bagaimanakah keadaan jalan raya pada waktu senja, seperti yang digambarkan dalam rangkap pertama sajak di atas?

[2 markah]

- (iii) Nyatakan etika pengguna jalan raya menurut pemerhatian penyair? [4 markah]
- (iv) Apakah perasaan anda, sekiranya anda berada di jalan raya di kota pada waktu itu. Berikan alasan untuk menyokong jawapan anda. [4 markah]
- (v) Apakah yang dimaksudkan dengan *kemanusiaan semakin mandul*? Jelaskan faktor-faktor berlakunya keadaan sedemikian. [6 markah]

#### Soalan 4.

- (a) Perkataan-perkataan di bawah mempunyai lebih daripada satu makna. Tuliskan dua ayat bagi tiap-tiap patah perkataan itu supaya jelas menunjukkan perbezaan makna tanpa menambahkan imbuhan atau pergandaan pada perkataan-perkataan itu atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.

- (i) menarik  
 (ii) mengupas  
 (iii) memotong  
 (iv) merotan

( 12 markah )

- (b) Sambung ayat-ayat pendek di bawah supaya menjadi tiga ayat sahaja dengan memelihara susunan dan maksud asalnya.

Memang tidak ada sesiapa pun yang dapat membuat penafian. Mereka tidak dapat menafikan bahawa struktur perindustrian Malaysia telah mengalami pertumbuhan. Pertumbuhan ini sangat pesat. Pertumbuhan pesat itu sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Sektor ini telah berkembang baik. Perkembangan baik ini ekoran daripada pelbagai faktor. Faktor ini saling menyokong antara satu sama lain. Sokongan ini sama ada melalui pihak swasta atau kerajaan. Hasil usaha kerajaan menyediakan iklim pelaburan yang baik. Pelaburan ini melalui galakan fiskal dan bukan fiskal. Pelaburan ini juga melalui kemudahan prasarana. Keadaan ini telah memberi peluang kepada pihak swasta. Mereka melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan pembuatan.

( 8 markah )